

12 MAY 1997

Dilema-Reaksi

PERUBAHAN PENDAPAT DR M TERHADAP ORANG MELAYU DISAMBUT BAIK

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Seorang profesor yang merupakan pengkritik pertama buku "The Malay Dilemma" yang ditulis oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1970, hari ini menyambut baik pengakuan Perdana Menteri yang pendapat beliau dalam buku itu mengenai ketidakupayaan orang Melayu untuk berjaya telah terbukti salah.

Prof Dr Syed Hussein Alatas, bekas Naib Canselor Universiti Malaya (UM) dan kini seorang profesor di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, pengakuan Dr Mahathir yang beliau telah tersilap dalam pernilaiannya dalam buku itu menunjukkan keberanian dan kewibawaan beliau.

" Saya merupakan pengkritik kuat yang terawal mengenai pendapat Dr Mahathir yang orang Melayu adalah malas kerana mereka lemah daripada segi genetik. Tindakan Perdana Menteri mengakui yang beliau tersilap dalam pendapatnya itu perlu dicontohi oleh pemimpin-pemimpin lain yang mungkin telah melakukan perkara yang sama dalam isu-isu lain," kata Dr Syed Hussein kepada BERNAMA.

Dr Syed Hussein berkata, beliau pernah menulis dua buah buku untuk menentang pandangan Dr Mahathir mengenai orang Melayu masing-masing bertajuk "Siapa Yang Salah" dan "The Myth of the Lazy Natives".

Dr Mahathir membuat pengakuan itu semasa menutup forum mengenai sejarah Umno yang diadakan sempena ulangtahun ke 51 parti itu di sini, semalam.

"Dalam buku-buku itu, saya berkata yang kelemahan orang Melayu untuk maju bukan kerana masalah genetik tetapi kerana pemimpin-pemimpin Melayu pada masa itu tidak membangkitkan semangat orang Melayu untuk berjaya seperti apa yang dilakukan oleh Dr Mahathir sekarang," kata beliau.

Tetapi Dr Syed Hussein berkata perubahan pendapat Dr Mahathir itu tidak akan mengurangkan nilai buku itu dalam apa cara juga.

" Hanya kerana beliau mengaku buat pertama kali yang beliau tersilap dalam pendapatnya itu dan membetulkan pendiriannya pada beberapa bahagian buku itu tidak bermakna nilai buku itu akan susut kerana pada masa itu ia merupakan langkah penting yang diambil oleh Dr Mahathir untuk meningkatkan kesedaran orang Melayu akan nasib mereka," kata beliau.

" Banyak lagi pandangan lain Dr Mahathir dalam buku itu yang telah dibuktikan benar dalam buku saya, saya menulis kepadanya penghargaan saya kerana keikhlasan beliau ," kata beliau lagi.

Perdana Menteri semalam berkata, pada masa itu beliau sangat kecewa yang orang-orang Melayu kurang keyakinan dan beliau sendiri hilang keyakinan yang orang Melayu akan berjaya.

" Tetapi kini saya mengubah pendapat saya. Saya tidak lagi percaya apa yang saya tulis dalam buku "The Malay Dilemma"," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sebagai contoh kini orang Melayu menguasai syarikat-syarikat gergasi, termasuk sebuah syarikat penerbangan yang dimiliki oleh seorang anak penanam padi, secara tidak langsung merujuk kepada Pengerusi syarikat Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli. --

BERNAMA

AU PR